

NO. SEBUT HARGA : JPHL&TN(IP):SH140/2019
 JABATAN : IBU PEJABAT JABATAN PERHILITAN

PELUPUSAN SEBUAH (1) KENDERAAN BAHAGIAN PENGUATKUASAAN IBU PEJABAT JABATAN PERHILITAN (MITSUBISHI PAJERO – WHB 3431)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL.	KETERANGAN ASET	KUANTITI	HARGA SIMPANAN
1.	No. Pendaftaran : WHB 3431 Buatan : MITSUBISHI Nama Model : PAJERO Keupayaan Enjin : 2477 S.P Tahun Dibuat : 1999	1 Buah	RM 4,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **30 Oktober 2019 (Rabu)** di antara jam **10.00 pagi** hingga **4.00 petang** di **Kompleks KASTAM, FCZ, Jalan KLIA S3, Kuala Lumpur International Airport, 64000 KLIA, Selangor.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) yang boleh diperolehi bermula **30 Oktober 2019 (Rabu)** di **Pejabat PERHILITAN KLIA, Aras 6, Kompleks KASTAM, FCZ, Jalan KLIA S3, Kuala Lumpur International Airport, 64000 KLIA, Selangor.** Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga **JPHL&TN(IP):SH140/2019** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat : -

KETUA PENGARAH
IBU PEJABAT JABATAN PERHILITAN,
KM 10, JALAN CHERAS,
56100 KUALA LUMPUR.
 No Tel : 03-90866800
 No Faks : 03-90752872
 (u.p:Idlan Bin Rasdi)

5. Tarikh tutup sebut harga pada **6 November 2019 (Rabu)** jam **12.00** tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(IDLAN BIN RASDI)

b/p Pengarah
 Bahagian Penguatkuasaan,
 Ibu Pejabat Jabatan PERHILITAN
 Tarikh : 23 September 2019



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/wang pos/draf bank atau Cashier's Order sahaja atas nama **KETUA PENGARAH JABATAN PERHILITAN**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Penyebut harga diwajibkan menghadiri lawatan tapak bagi mendapatkan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25)